

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 28/10/2011
Hari: 24th M/S: -
Ruangan: RENCANA

UM/AA6/UM/28.10.2011/N.P(1-5)

28/10/2011 - Rencana

≥ PERSPEKTIF

Tangani kelemahan tadbir urus

OLEH ROHAMI SHAFIE

TADBIR urus yang baik antara prasyarat utama kemajuan dan keamanan ekonomi negara. Pelabur-pelabur akan tertarik untuk melabur apabila yakin bahawa tadbir urus yang baik telah diamalkan oleh sektor korporat dan sektor awam.

Dengan mengamalkan tadbir urus yang baik, kecekapan dan keberkesanan sektor awam akan terhasil dan ini memudahkan lagi sektor korporat menjalankan perniagaan mereka dalam tempoh masa yang lebih pantas.

Masa itu amat berharga. Setiap saat memberi kesan kepada perniagaan. Mengambil masa lama untuk membuat keputusan akan memudaratkan perniagaan. Di samping masa, faktor keupayaan ahli lembaga pengarah juga memberi kesan kepada prestasi dan kemajuan sektor korporat.

Tanpa kombinasi ahli-ahli lembaga pengarah yang mantap, sesebuah syarikat akan menjadi lesu. Idea-idea terbaik tidak dapat direalisasikan. Malahan, hala tuju dan wawasan syarikat juga akan bercelaru. Pengaruh ahli lembaga pengarah dalam me-

majukan syarikat tidak boleh dinafikan.

Atas dasar ini, mulai tahun depan, Bursa Malaysia diberikan kuasa untuk mengarah syarikat-syarikat senaraian awam menukar ahli-ahli lembaga pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) yang difikirkan tidak sesuai.

Melalui syarat baru penyenaian ini, Bursa Malaysia mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas ahli-ahli lembaga pengarah dan eksekutif utama syarikat yang tidak sesuai menjalankan tugas mereka di syarikat itu.

Mereka ini dikategorikan sebagai tidak layak kerana tidak mempunyai karakter, pengalaman, integriti, kompeten dan masa untuk melaksanakan tugas mereka. Mekanisme sebegini akan memastikan syarikat-syarikat senaraian awam mengamalkan tadbir urus yang baik.

Selain ahli-ahli lembaga pengarah dan eksekutif utama syarikat, faktor ketelusan maklumat juga memberi kesan kepada tadbir urus yang baik. Bahkan, faktor ini juga akan mencerminkan sejauh manakah kecekapan pasaran saham negara kita.

Kalau tadbir urus merupakan teras ke-

mapanan ekonomi, kualiti maklumat pula teras kepada tadbir urus yang baik. Dalam pasaran saham dunia yang tidak menentu, para pelabur inginkan kepastian yang munasabah berdasarkan maklumat yang berkualiti.

Pasaran saham kita masih lagi belum boleh dikategorikan sebagai pasaran saham yang cekap. Buktinya, baru-baru ini terdapat beberapa urusan dagangan dalaman (insider trading) dan urusan pihak-pihak berkepentingan yang boleh memberi imej yang kurang baik kepada para pelabur asing dan domestik.

Urusniaga-urusan ini perlu dipantau dan dicegah dari awal lagi. Kita tidak mahu lihat, para pelabur lari daripada melabur di negara kita hanya semata-mata persepsi bahawa berlakunya urusan yang tidak adil dan berat sebelah. Sesiapa yang mempunyai maklumat dalaman akan menggunakan maklumat dalaman tersebut untuk kepentingan dan keuntungan peribadi.

Bayangkan istilah tadbir urus ini bukanlah baru bagi dunia korporat tetapi masih ada transaksi yang "meragukan" para pelabur.

Mungkinkah pihak penguatkuasa (regu-

lator) terlepas pandang? Atau pihak penguatkuasa sendiri sepatutnya mengamalkan tadbir urus yang baik sebelum mengarah syarikat, ahli-ahli lembaga pengarah, dan eksekutif utama syarikat melaksanakan tadbir urus yang baik? Dalam konteks ini, lebih baik pihak penguatkuasa menunjukkan contoh terlebih dahulu sebelum menguatkuasakan sebarang polisi atau kod berkaitan tadbir urus.

Bukan apa, nanti dikatakan umpama ketam mengajar anaknya berjalan lurus. Isu dagangan dalaman tidak sewajarnya berlaku. Lebih-lebih lagi jika ia melibatkan penguatkuasa secara langsung mahupun tidak langsung.

Penguatkuasa berperanan untuk menguatkuasa sebarang akta, polisi, prosedur, kod, keperluan dan undang-undang yang telah termaktub. Bukan sahaja para pelabur menaruh kepercayaan kepada penguatkuasa, malahan rakyat juga meletakkan amanah yang tinggi pada pihak penguatkuasa.

Mungkin pada dasarnya semua prosedur diikuti maka nampak seolah-olah tiadanya percanggahan kepentingan dari segi undang-undang mahupun prosedur, namun,

apabila berlakunya dagangan dalaman yang boleh mengurangkan persepsi baik para pelabur dan mencerminkan kelemahan dan integriti rendah pasaran saham negara, sesuatu perlu dilakukan.

Di sinilah peranan penguat kuasa agar bukan sahaja nampak telus dari segi keputusannya tetapi juga wajar menitikberatkan persepsi pelabur dan rakyat dari segi luarannya. Tadbir urus yang baik bermula daripada pihak penguatkuasa. Barulah kes-kes yang tidak sepatutnya berlaku seperti penyelewengan dan pecah amanah dapat dicegah daripada awal lagi.

Kalau diperluaskan konsep tadbir urus yang baik kepada pihak berkuasa lain seperti pihak berkuasa tempatan, kes seperti judi di kafe siber juga mampu ditangani.

Namun, kenapakah kes-kes sebegini masih berleluasa, bahkan semakin teruk meskipun pelbagai usaha dilaksanakan? Jawapannya tidak lain tidak bukan terletak pada penguatkuasa itu sendiri.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan Kolej Perniagaan (COB) Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.